**SOALAN LAZIM**
**OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN SSM DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PKP, PKPB DAN PKPP BERMULA 13 HINGGA 26 JANUARI 2021**

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Adakah kaunter perkhidmatan SSM beroperasi semasa pelaksanaan PKP, PKPB dan PKPP ini? | Susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kaunter perkhidmatan SSM ditutup bermula 13 hingga 26 Januari 2021 melibatkan enam (6) negeri seperti berikut:<br>i. Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur/ Putrajaya/ Labuan)<br>ii. Selangor<br>iii. Pulau Pinang<br>iv. Johor<br>v. Melaka<br>vi. Sabah<br><br>Pejabat SSM di negeri-negeri lain di bawah pelaksanaan PKPB dan PKPP beroperasi seperti biasa. |
| 2. | Bagaimanakah caranya untuk membuat serah simpan dokumen berkanun kepada SSM di negeri yang dilaksanakan PKP? | Pelanggan boleh membuat serah simpan dokumen berkanun melalui dua (2) kaedah berikut:<br><br>(a) *Dropbox;* atau<br>(b) Pos Berdaftar |
| 3. | Bilakah waktu operasi kaunter *drop box* semasa tempoh pelaksanaan PKP ini? | Waktu operasi kaunter *dropbox* bermula jam 8.30 pagi sehingga 2.00 petang.<br><br>Kaunter *dropbox* dibuka setiap hari bekerja (kecuali Cuti Umum) dan ditempatkan di pintu masuk Pejabat SSM atau lobi bangunan. |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 4. | Apakah prosedur untuk membuat serahan dokumen melalui *drop box?* | Satu kaunter/kotak khas akan disediakan di pintu utama/lobi Pejabat SSM. Ianya diselia oleh pegawai SSM yang bertugas.<br><br>Semasa menggunakan kaedah ini, pelanggan hendaklah:<br><br>(a) Pastikan dokumen yang diserahsimpan lengkap dan sempurna;<br><br>(b) Pastikan draf bank atau cek syarikat pengurusan dikepilkan bersama dokumen (tunai adalah tidak dibenarkan sama sekali);<br><br>(c) Dokumen berkanun syarikat perlu dimasukkan dalam sampul surat/kotak;<br><br>(d) Isi Borang Maklumat Penghantar berserta nombor pendaftaran syarikat dan tampal di sampul surat/ kotak;<br><br>(e) Serah dokumen kepada pegawai bertugas untuk diletakkan di dalam kotak khas. |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| 5. | Bagaimanakah kaedah melakukan serah simpan dokumen melalui Pos Berdaftar? | Pelanggan boleh mengikuti langkah-langkah berikut:<br><br>(a) Pastikan dokumen yang diserah simpan lengkap dan sempurna;<br><br>(b) Pastikan draf bank atau cek syarikat pengurusan dikepilkan bersama dokumen (tunai adalah tidak dibenarkan sama sekali);<br><br>(c) Masukkan dokumen berkanun syarikat ke dalam sampul surat / kotak di alamatkan ke Pejabat SSM;<br><br>(d) Gunakan perkhidmatan pos berdaftar sahaja.<br><br>*Nota: Sila rujuk alamat di ruangan Hubungi Kami di portal rasmi SSM.* |
| 6. | Adakah temujanji yang diperolehi sebelum ini boleh digunapakai untuk berurusan di kaunter? | Tidak. Semua temujanji dalam pelaksanaan PKP bermula 13 hingga 26 Januari 2021 adalah terbatal. Permohonan semula temujanji hendaklah dibuat untuk pilihan tarikh 27 Januari 2021 dan seterusnya (tertakluk kepada pengumuman kerajaan dari semasa ke semasa). |
| 7. | Adakah terdapat kaedah alternatif untuk berurusan dengan SSM sepanjang pelaksanaan PKP ini? | Ya. Pelanggan adalah digalakkan untuk memanfaatkan perkhidmatan atas talian SSM yang disediakan melalui pautan berikut:<br><br>(a) Portal Ezbiz - https://ezbiz.ssm.com.my/<br><br>(b) Portal MyCoID - https://mycoid2016.ssm.com.my/ |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | (c) Portal MyLLP - https://www.myllp.com.my/<br><br>(d) Portal e-Info - https://www.ssm-einfo.my/<br><br>(e) Portal MyData - https://www.mydata-ssm.com.my/<br><br>(f) Portal e-secretary - https://esecretary.ssm.com.my/ |